

**JAWATAN: PEGAWAI KESELAMATAN GRED KP41**

<b>Kumpulan</b>	<b>:</b>	<b>Pengurusan &amp; Profesional</b>
<b>Jadual Gaji</b>	<b>:</b>	<b>RM2,081.00 – RM9,547.00</b>
<b>Taraf Jawatan</b>	<b>:</b>	<b>Tetap</b>

**SYARAT LANTIKAN**

1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a)
  - i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji permulaan: RM2,081.00); atau
  - ii) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Inspektor Polis atau Leftenan Muda atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik (Gaji permulaan: RM2,081.00); atau
  - iii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji permulaan: RM2,285.00); dan
- b) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
  - i) Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
  - ii) Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
  - iii) Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
  - iv) Mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
  - v) Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
  - vi) Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
  - vii) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.
- c) Calon bagi lantikan dengan kelayakan seperti di perenggan 1a(i) dan 1a(iii) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL)**

- 2) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Keselamatan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Keselamatan Gred KP41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
  - a)
    - i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); atau
    - ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

- b) had umur pelantikan:
- i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang berumur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
  - ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - iii) Berumur dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

### **RINGKASAN TUGAS**

- Bertanggungjawab memberi khidmat nasihat, memantau dan menguatkuasakan undang-undang, peraturan serta arahan mengenai keselamatan perlindungan di UPM serta kawasan larangan dan tempat larangan yang berkaitan untuk mengekal dan mempertingkatkan tahap keselamatan fizikal, dokumen, peribadi, keselamatan perlindungan ICT dengan tujuan melindungi aset dan rahsia rasmi daripada pelbagai bentuk ancaman keselamatan.